TAKRIF TERKINI LELAKI MUDA
SEPTEMBER 2012 | VOL.132 | RM6.00

# MASKULIN



IRFANKHAIRI.COM

## 7 TABIAT ORANG BERJAYA

**KHAS**

SELAMAT HARI MALAYSIA 2012

## 3 BELIA KONGSI NILAI & SEMANGAT PATRIOTIK

## STAIL CETAKAN UNTUK SI *SKINNY*

7 TIP

## EREKSI LEBIH *'POWER'*

MESTI BACA!

## 20 TIP SENAMAN & DIET UNTUK SI KURUS

KURUS, KESAN TERHADAP PSIKOLOGI

# SERIUS BUKAN BERERTI SOMBONG

* ZUL HUZAIMY

**MENANGI** BAUCAR PENGINAPAN DI KINTA RIVERFRONT HOTEL & SUITES RM2700, BARANGAN FILEM RESIDENT EVIL: RETRIBUTION, PRODUK NUGENO MEN COOL RM135, PANDU UJI NISSAN SYLPHY MASKULIN & AUTO MASKULIN

ISSN 1675-0497
09
9 771675 049045
www.karangkraf.com/maskulin

# SMART & TRENDY KE PEJABAT

TEKS&PENYELARAS: ARMIZI MUSTAPHA
FOTO: ASMAWAL ARSHAD

BIEM, jenama pakaian yang memenuhi keperluan gaya eksekutif dan usahawan lelaki muda. Direka dengan ciri-ciri kontemporari untuk individu bersemangat tinggi mengejar impian dalam membina karier lebih berjaya.

Menepati sasaran pembaca Maskulin, BIEM telah memilih tiga orang pembaca bertuah untuk melakukan transformasi gaya ke pejabat dengan menggayakan koleksi terkini. Mereka terdiri daripada eksekutif muda dan seorang pelajar. Apa pandangan mereka tentang rekaan BIEM ini?

**NAMA:** **Ahmad Firdaus Bin Ahmad Fitri**
**UMUR:** **22 Tahun**
**PEKERJAAN:** **Eksekutif Teknologi Informasi**
**JENIS GAYA KE PEJABAT:** **Bergaya, *smart* dan *trendy***
**PENDAPAT TENTANG BIEM:** **"Saya sukakan material kebanyakan pakaian BIEM terutama yang saya pakai ini. Ia sungguh selesa dan fabrik yang digunakan mudah untuk digosok. Ini memudahkan saya menyediakan pakaian ke pejabat. Selain itu, rekaannya juga mengikut rekaan pakaian ke pejabat terkini".**






**PADANAN PILIHAN:** Sebagai seorang eksekutif, Firdaus ingin sentiasa tampil kemas dan bergaya apabila ke pejabat. Bukan sahaja memberikan lebih keyakinan diri, tetapi juga membuatnya tampil menyerlah. Untuk kemeja pilihannya, Firdaus padankan dengan *blazer* hitam ini.



NAMA: Shah Izwan Bin Shaharin
UMUR: 20 Tahun
PEKERJAAN: Pelajar
JENIS GAYA KE KOLEJ: Kasual, *smart* dan *trendy*
PENDAPAT TENTANG BIEM: "Rekaannya mengikut gaya terkini. Banyak pilihan yang sesuai untuk digayakan oleh pelajar seperti saya. Ia boleh digayakan pada hari yang memerlukan saya bergaya formal iaitu pada hari Isnin. Rekaan kemeja BIEM juga sesuai untuk golongan yang bekerja di pejabat."



Sebelum



**PADANAN PILIHAN:** Shah gemar menggayakan pakaian bercorak. Kali ini dia memilih jumper sebagai padanan untuk gaya yang ditampilkan ini. Gaya ini begitu sinonim dengan gaya kolej dan membuatnya tampil lebih kemas.

Selepas



**PADANAN PILIHAN:** Memandangkan bukan setiap masa memerlukan Hadi bergaya formal dan kemas ke pejabat, dia bebas memilih kemeja yang bersesuaian. Biasanya digayakannya pada hari Jumaat. Jadi Hadi memilih kemeja bercorak kontemporari ini.

Selepas

NAMA: Mohamad Hadi Bin Baharudin
UMUR: 25 tahun
PEKERJAAN: *Junior* Jurutera (IT)
GAYA KE PEJABAT: *Smart* dan kontemporari
PENDAPAT TENTANG BIEM: "BIEM mempunyai koleksi rekaan yang menarik dan sesuai digayakan oleh semua peringkat umur, golongan remaja atau mereka yang bekerja di pejabat. Fabriknya yang sangat selesa dan pilihan warna kemeja yang disediakan segar untuk dipakai ke pejabat.



Sebelum